



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	9/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	PERHILITAN		



206

Bilangan katak yang cuba diseludup dari Thailand

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Penyeludup bertindak melarikan diri serta meninggalkan pelbagai haiwan eksotik bernilai RM67,600 di tebing Sungai Golok berdekatan pangkalan haram Bilah Dollah di sini pada Jumaat.

Semua suspek bertindak sedemikian selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa dengan meninggalkan kotak berisi 206 katak, 50 labi-labi, 24 anak ular, tiga ekor burung kakak tua dan seekor iguana.

Pegawai Pemerintah Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA9), Superitenden Nor Azizan Yusof berkata, dalam kejadian jam 7 malam itu, anggota bertugas membuat rondaan sebelum terserempak sekumpulan lelaki sedang mengangkat kotak dalam keadaan mencurigakan.

"Anggota kemudian men-



SEBAHAGIAN haiwan eksotik yang dirampas PGA9 di pangkalan haram Bilah Dollah.

dekati kumpulan berkenaan namun semua mereka bertindak melarikan diri dengan menggunakan perahu ke sebelah Thailand serta meninggalkan kotak terbabat.

"Hasil pemeriksaan lanjut, menemui semua haiwan eksotik terbabit yang dipercayai diseludup dari negara

jiiran melalui jalan yang tidak diwartakan disyaki untuk pasaran tempatan.

"Haiwan eksotik ini yang dirampas dan dibawa ke Balai Polis Rantau Panjang untuk tindakan lanjut dan kes disiasat dibawah Seksyen 60(1)(a) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, memburu atau menyimpan hi-

dupan liar tanpa kebenaran," katanya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan, semalam.

Nor Azizan berkata, semua rampasan haiwan eksotik itu akan diserahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) untuk tindakan lanjut.



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia